

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK	Hong Leong Assurance Berhad
Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Hong Leong SMART Protect Plus Insurance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	Hong Leong SMART Protect Plus Insurance
	<<date>>

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah produk ini?

- Ini ialah pelan premium berkala berkait pelaburan dengan Perlindungan Biasa
- Perlindungan insurans yang disediakan adalah Kematian.
- Nilai polisi bagi polisi ini akan berubah secara langsung dengan prestasi dana-dana unit.
- Sila merujuk kepada Seksyen B di bawah Soalan 2 untuk huraian faedah mana-mana rider lain yang dilampirkan.

Harap Maklum: Caj insurans anda (yang tidak terjamin dan ditolak berikutnya daripada nilai akaun) akan meningkat seiring dengan peningkatan usia anda. Nilai akaun mungkin tidak mencukupi untuk membayar caj insurans yang tinggi dan yuran polisi pada tahun-tahun berikutnya disebabkan oleh keadaan-keadaan seperti pulangan dana yang tidak memuaskan, cuti premium atau pengeluaran yang menyebabkan polisi anda menjadi lupus sebelum tempoh polisi tamat. Jika ini berlaku, anda perlu menambah premium anda bagi memastikan perlindungan yang berterusan.

2. Apakah perlindungan/ faedah yang disediakan?

A) Pelan Asas

Jumlah Diinsuranskan untuk pelan ini adalah RM dan tempoh perlindungan ialah tahun atau ketika penamatan, yang mana berlaku dahulu. Pada akhir tempoh polisi awal, tempoh perlindungan pelan ini akan dilanjutkan secara automatik sehingga umur 100.

Faedah Kematian

Jika Hayat Diinsuranskan Meninggal Dunia, amaun yang akan dibayar adalah yang mana LEBIH TINGGI antara

- Jumlah Asas Diinsuranskan; atau
- Nilai Akaun pada Tarikh Penilaian Seterusnya serta-merta berikutan tarikh notifikasi Kematian

Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan dengan amaun pengeluaran separa

Peruntukan untuk Juvenil

Sekiranya berlaku kematian Hayat Diinsuranskan sebelum umur lima (5), Jumlah Asas Diinsuranskan akan dikurangkan seperti berikut:

Umur semasa kematian (berdasarkan hari jadi lepas)	% Bayaran Jumlah Asas Diinsuranskan
30 hari - 1 tahun	20%
2 tahun	40%
3 tahun	60%
4 tahun	80%

Ilustrasi Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Lanjutan Automatik Pelan

Pada akhir tempoh perlindungan awal, pelan ini akan dilanjutkan secara automatik berulang setiap 5 tahun sehingga umur 100 tahun tanpa sebarang pengunderaitan. Notifikasi mengenai lanjutan pelan akan dihantar kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum bermulanya tempoh lanjutan, berserta jangkaan premium semasa tempoh lanjutan.

Pada tempoh lanjutan pelan,

- Jumlah Asas Diinsuranskan akan kekal pada amaun sebelum lanjutan pelan dibuat
- Rider yang dilampirkan yang masih berkuatkuasa sebelum lanjutan akan kekal, tertakluk kepada terma dan syarat di bawah rider berkenaan
- Premium, caj insurans, yuran polisi, yuran pengurusan dana dan sebarang cukai yang berkenaan akan bersambung dan dikenakan
- Peningkatan premium secara berperingkat bagi setiap julat ulangan 5 tahun mungkin perlu ditambah

Sekiranya anda **tidak mahu melanjutkan** pelan sehingga umur 100 tahun, anda perlu memberi notis kepada HLA sekurang-kurangnya 30 hari sebelum akhir tempoh perlindungan awal dan Faedah Kematangan akan dibayar pada akhir tempoh perlindungan awal.



Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Jadual 1 tentang anggaran premium yang diperlukan semasa tempoh lanjutan sebelum membeli polisi ini. Secara umumnya, jangkaan premium akan meningkat apabila anda memasuki kumpulan usia yang lebih tua.

Jadual 1: Anggaran premium yang diperlukan untuk tempoh perlindungan yang berbeza yang mempunyai dan tidak mempunyai ciri lanjutan automatik

	Anda telah memilih tempoh perlindungan awal sehingga umur <<age>> tahun	Tempoh perlindungan awal sehingga umur <<age>> tahun dengan lanjutan automatik sehingga umur 100 tahun	Sekiranya anda memilih tempoh perlindungan awal sehingga umur 100 tahun
Tempoh perlindungan	Sehingga umur <<age>> tahun	Sehingga umur <<age>>tahun dengan lanjutan automatik	Sehingga umur 100 tahun
Tahunan Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pertama pada awal tahun polisi	RM dibayar dari umur <<age>>tahun hingga umur <<age>> tahun Jumlah: RM Akumulatif: RM	RM dibayar dari umur 24 tahun hingga umur <<age>> tahun Jumlah: RM Akumulatif: RM	RM dibayar dari umur <<age>> tahun hingga umur <<age>> tahun Jumlah: RM Akumulatif: RM

Nota:

- Premium yang diilustrasikan dalam Jadual 1 di atas adalah berdasarkan unjuran semasa, perlindungan yang dipilih dan tempoh pembayaran premium.
- Jangkaan premium dalam Jadual 1 telah dikira berdasarkan anggaran hasil masa depan dan jangkaan premium sebenar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah bergantung pada kesinambungan polisi. Kesinambungan polisi sebenar bergantung pada pulangan pelaburan sebenar dan sebarang perubahan dalam faedah-faedah polisi dan caj-caj. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada penyata kelestarian tahunan untuk mengetahui tentang jangkaan premium yang dikemaskini berdasarkan andaian terkini.
- Polisi berkaitan pelaburan anda mungkin lupus/ ditamatkan jika unit dalam dana anda tidak mencukupi untuk membayar bayaran-bayaran. Unit mungkin tidak mencukupi sejak tahun-tahun ini disebabkan oleh:
 - o Bayaran caj-caj insurans yang tinggi jika anda membeli banyak rider, dan terutamanya jika bayaran itu meningkat dari semasa ke semasa apabila anda semakin tua
 - o Pulangan pelaburan yang rendah
 - o Cuti Premium - iaitu jika anda berhenti membayar premium bagi suatu tempoh masa yang panjang
 - o Pengeluaran separa
- Apabila Pemunya Polisi menyerahkan polisi semasa tempoh perlindungan awal atau tempoh lanjutan, ciri lanjutan automatik akan tidak terpakai.



Dengan memilih pelan dengan tempoh perlindungan awal yang lebih panjang, jumlah premium sepanjang tempoh perlindungan mungkin kurang daripada membeli tempoh perlindungan awal yang lebih pendek dengan lanjutan automatik seterusnya.

Faedah Kematangan

Pada akhir tempoh polisi awal (sekiranya Pemunya Polisi telah memilih untuk tidak melanjutkan polisi sehingga umur 100) atau pada akhir tempoh lanjutan, yang mana berkenaan, Faedah Kematangan akan dibayar berdasarkan umur hayat yang diinsuranskan pada Tarikh kematangan polisi seperti ditunjukkan berikut:

Umur semasa Tarikh kematangan(berdasarkan hari jadi lepas)	Faedah Kematangan
Kurang daripada umur 100	Nilai Akaun
Umur 100	Yang mana lebih tinggi antara: (a) Jumlah Asas Diinsuranskan; atau (b) Nilai Akaun

Ilustrasi Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

B) Rider yang Dilampirkan

Rider	Jumlah Diinsuranskan / Faedah	Tempoh Perlindungan	Tempoh Lanjutan	Hayat Diinsuranskan	Huraian Faedah						
Disability Lump Sum Rider			20.00	Hayat Diinsuranskan	<p>RM akan dibayar setelah Hayat Diinsuranskan mengalami TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun) atau OAD (selepas mencapai umur 65 tahun), mengikut mana-mana yang terkemudian.</p> <p>Peruntukan untuk Juvenil akan diaplikasikan.</p> <p>Faedah TPD akan dibayar mengikut peruntukan untuk Had Faedah TPD setiap Hayat bagi TPD sebelum umur tercapai 16.</p> <p>Peruntukan untuk Had Faedah TPD bagi setiap Hayat</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Umur Tercapai ketika Mengalami TPD</th> <th>Had Faedah TPD setiap Hayat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang daripada 7</td> <td>RM 100,000</td> </tr> <tr> <td>7 sehingga kurang daripada 15</td> <td>RM 500,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Jumlah Faedah TPD setiap Hayat yang dibayar bagi semua polisi yang menginsuranskan Hayat yang Diinsuranskan tidak akan melebihi Had Faedah TPD setiap Hayat seperti yang dinyatakan di atas. Jumlah Faedah TPD setiap Hayat merujuk kepada perlindungan TPD bagi semua polisi yang berkuat kuasa atas setiap Hayat yang Diinsuranskan ketika tuntutan dibuat selepas Peruntukan untuk Juvenil diaplikasikan.</p> <p>Faedah OAD Faedah OAD maksimum tidak melebihi RM 2,000,000</p>	Umur Tercapai ketika Mengalami TPD	Had Faedah TPD setiap Hayat	Kurang daripada 7	RM 100,000	7 sehingga kurang daripada 15	RM 500,000
Umur Tercapai ketika Mengalami TPD	Had Faedah TPD setiap Hayat										
Kurang daripada 7	RM 100,000										
7 sehingga kurang daripada 15	RM 500,000										

Nota:

- Caj Insurans untuk rider adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada semakan semula Syarikat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda.
- TPD merujuk kepada Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal sebelum mencapai umur 65 tahun dan OAD merujuk kepada Ketidakupayaan Masa Tua selepas mencapai umur 65 tahun. Kedua-dua definisi ini diguna pakai secara konsisten merentasi semua kolateral pemasaran.
- Pada kematangan tempoh polisi awal, rider yang dilampirkan atas akan dilanjutkan secara automatik, berulang setiap 5 tahun sehingga tempoh lanjutan yang ditunjukkan atas tanpa pengunderaitan dengan syarat rider tersebut masih berkuatkuasa sebelum perlanjutan. Premium tambahan mungkin diperlukan dan akan dikira berdasarkan tempoh lanjutan. Jumlah Diinsuranskan/ Faedah akan kekal pada amaun sebelum perlanjutan rider dibuat. Caj insurans akan bersambung dan dikenakan selepas perlanjutan tersebut dibuat. Pemunya Polisi perlu memberi notis kepada HLA sekiranya seseorang itu tidak mahu melanjutkan rider tersebut sekurang-kurangnya 30 hari sebelum akhir tempoh polisi awal itu.

Peringatan: Sila baca Ilustrasi Produk dan Helaian Fakta Dana, yang mengandungi faedah-faedah produk dan objektif-objektif dana berkaitan pelaburan. Anda mestilah memilih pelan atau gabungan dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU.

Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza mengikut keperluan penanggungjaminan syarikat insurans.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

Anggaran premium yang perlu anda bayar adalah seperti berikut.

Pelan/Rider	Jenis	Hayat-hayat Diinsuranskan	Premium Perlu Dibayar
			Tahunan (RM)
Hong Leong SMART Protect Plus Insurance	Pelan Asas	Hayat Diinsuranskan	
Disability Lump Sum Rider ⁽²⁾	Rider Potongan Unit	Hayat Diinsuranskan	
Regular Top Up	Pelan Asas	Hayat Diinsuranskan	
Total			

Tempoh Premium:

Pelan/Rider	Premium dibayar berdasarkan umur Hayat Diinsuranskan pada awal tahun
Hong Leong SMART Protect Plus Insurance	Sehingga <<age>>
Regular Top Up	Sehingga <<age>>

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian premium asas untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang amaun yang tidak diperuntukkan daripada premium anda akan digunakan untuk membayar kos pengagihan langsung dan perbelanjaan syarikat insurans. Anda dinasihatkan supaya merujuk kepada kadar peruntukan yang diberikan dalam Ilustrasi Produk.

Ia adalah penting bahawa anda menerima dan menyimpan resit anda sebagai bukti pembayaran premium.

⁽²⁾ Rider ini menyediakan Faedah TPD/ OAD.

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- Bayaran perlindungan insurans dan RM8 bulanan bayaran untuk bayaran polisi ditotak setiap bulan dari nilai unit anda. Secara umumnya, caj-caj insurans akan meningkat apabila umur anda meningkat. Penyerahan polisi dan pengeluaran separa tidak akan dikenakan caj. Butir-butir caj insurans dan caj-caj lain bagi polisi berkaitan pelaburan anda telah diberikan dalam Ilustrasi Produk.
- Caj insurans dan caj-caj lain yang diilustrasikan adalah berdasarkan tahap semasa. Kadar caj insurans dan caj-caj lain adalah tidak terjamin dan mungkin diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis 3 bulan kepada Pemunya Polisi.
- Premium dan sebarang pelaburan semula daripada tuntutan atau faedah yang dibayar, jika berkenaan, untuk polisi yang diperuntukkan kepada organisasi perniagaan akan tertakluk kepada 8% cukai perkhidmatan.

Ilustrasi Produk ini mengandungi 8 muka surat dan setiap muka surat membentuk sebahagian daripada Ilustrasi Produk. Bakal pemunya polisi adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami maklumat yang tercetak pada setiap muka surat.

5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, dan nyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan polisi anda dengan mengembalikan polisi dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran polisi. HLA akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, apa-apa bayaran insurans, yuran polisi bulanan dan sebarang cukai yang berkenaan yang telah ditolak setelah menolak perbelanjaan perubatan yang mungkin telah dikenakan.
- Bayaran premium yang tidak dilakukan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh premium perlu dibayar akan menyebabkan penyerahan polisi secara automatik dan Nilai Penyerahan akan dibayar.
- Anda hanya boleh menikmati faedah terjamin yang disebut dalam Ilustrasi Produk dan Risalah Pendedahan Produk, contohnya Faedah Kematian Terjamin, dengan syarat itu Pelan Asas masih berkuatkuasa.
- Nilai tunai - nilai tunai polisi berkaitan unit bergantung pada prestasi dana berkaitan unit yang dipilih. Tahap perlindungan insurans yang dipilih semakin tinggi, semakin banyak unit akan diserap untuk membuat bayaran insurans dan semakin kurang unit yang tinggal untuk mengumpul nilai tunai di bawah polisi anda.
- Polisi luput – Pelan Asas dan rider-rider termasuk Rider dengan Premium Bayaran (jika ada) akan luput/tamat apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi untuk membuat bayaran insurans dan bayaran lain. Walau bagaimanapun, anda diberi 30 hari tempoh tangguh untuk bayaran premium.
- Anda harus memastikan bahawa polisi ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah pelan ini.
- Pencalonan dan penamaan adalah tertakhluk peruntukan-peruntukan. Anda dinasihati supaya menama seorang penama dan memastikan penama tersebut sedar tentang polisi yang telah anda beli.
- Kesemua permohonan adalah tertakhluk kepada kelulusan pengunderaitan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

A) Pelan Asas

Faedah Kematian

Jika Hayat Diinsuranskan sama ada siuman atau tidak siuman, membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penyertaan atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian, Polisi ini akan jadi tidak sah. Faedah kematian tidak akan dibayar dan Syarikat hanya akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga seunit pada tarikh penilaian seterusnya, sebarang caj insurans, yuran polisi, dan apa-apa cukai yang dikenakan tolak apa-apa yuran perubatan yang ditanggung dan faedah yang dibayar.

B) Rider yang Dilampirkan

Rider	Hayat -hayat Diinsuranskan	Pengecualian
Disability Lump Sum Rider	Hayat Diinsuranskan	<p><u>Faedah Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)</u> Polisi ini tidak akan melindungi Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal yang berpunca secara langsung atau tidak langsung;</p> <ul style="list-style-type: none"> - daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; - daripada penerbangan di dalam pesawat udara (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual tetap); atau - daripada apa jua perkara ketika berkhidmat sebagai anggota dalam angkatan bersenjata, polis dan angkatan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan awam. <p>Polisi ini tidak akan membayar apa-apa manfaat TPD jika kecacatan yang menyebabkan tuntutan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal wujud pada Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian.</p> <p><u>Faedah Ketidakupayaan Masa Tua</u> Polisi ini tidak akan melindungi Ketidakupayaan Masa Tua yang berpunca secara langsung atau tidak langsung;</p> <ul style="list-style-type: none"> - daripada sebarang kecederaan anggota badan yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; - daripada penerbangan di dalam pesawat udara (kecuali sebagai anak kapal, atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual tetap); atau - daripada apa jua perkara ketika berkhidmat dalam angkatan bersenjata, polis dan angkatan separa tentera disebabkan oleh perang yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, rusuhan atau kekecohan awam. <p>Polisi ini tidak akan membayar apa-apa manfaat OAD jika kecacatan yang menyebabkan tuntutan Hilang Upaya Masa Tua wujud pada Tarikh Penyertaan, Tarikh Pindaan Efektif atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana-mana yang terkemudian.</p>

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

A) Pelan Asas

Membeli polisi berkaitan pelaburan premium berterusan merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Pemunya Polisi dinasihatkan agar tidak memegang polisi dalam tempoh yang pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Jika polisi ini ditamatkan awal, anda mungkin akan mendapat amaun yang kurang daripada amaun premium dibayar. Jika didapati bahawa dana yang anda pilih tidak lagi sesuai dengan anda, anda bebas menukar dana tanpa yuran.

B) Rider yang Dilampirkan

Rider	Kelayakan Pembatalan
Disability Lump Sum Rider	Anda boleh menamatkan rider ini sebelum tempoh matang dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda (termasuk maklumat tentang penama dan/atau pemegang amanah) bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat sampai kepada anda dan/atau penama/pemegang amanah tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut tentang insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo tentang 'Insurans Perubatan dan Kesihatan' yang disediakan di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkannya daripada ejen/kakitangan bank.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Hong Leong Assurance Berhad
Level 3, Tower B, PJ City Development
No 15A, Jalan 219, Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
P.O.Box 120, 46710 Petaling Jaya

Pengantara:
Hong Leong Bank Berhad
Level 19, Menara Hong Leong
No. 6, Jalan Damanlela
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 7650 1288
Faks: 03 - 7650 1299
Laman Web: www.hla.com.my

10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan

Sila rujuk ejen/kakitangan bank kami untuk mengetahui jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN SUATU PRODUK INSURANS YANG TERIKAT PADA PENCAPAIAN PELABURAN, DAN IA BUKAN SUATU PRODUK INSURANS PELABURAN TULEN SEPERTI AMANAH SAHAM. ANDA HARUS MENILAI PILIHAN-PILIHAN ANDA DENGAN BERHATI-HATI DAN MEMASTIKAN PELAN BERKAITAN PELABURAN DIPILIH MENEPATI SELERA RISIKO ANDA, DAN YANG ANDA MAMPU MEMBAYAR SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN AGAR MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI 'TAMBAHAN'. PEMULANGAN BAGI DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK TERJAMIN.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <<date>>.

Panduan Perkhidmatan - Perkhidmatan Kami Kepada Anda

Bank menawarkan pelbagai produk insurans Hong Leong Assurance melalui cawangannya di seluruh negara. Jika anda ingin membeli produk insurans hayat daripada Jurubank Peribadi/Wakil Bank kami, anda boleh menikmati perkhidmatan nilai tambahan berikut:

Sebelum Anda Membeli Polisi	Apabila Anda Membuat Keputusan untuk Membeli Polisi	Semasa Tempoh Polisi
<p>Membantu Anda Memilih Pelan Insurans Yang Sesuai</p> <ul style="list-style-type: none">* Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan dengan anda untuk lebih memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.* Mencadangkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda. <p>Menerangkan Ciri-Ciri Produk</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.* Menyediakan Risalah Pendedahan Produk, untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat dan untuk memudahkan perbandingan produk.	<p>Membantu Anda Dengan Permohonan Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.* Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.* Mengatur untuk pemeriksaan kesihatan di salah satu daripada klinik panel kami, jika diperlukan.* Memberi maklumat dan memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar akan diterima oleh benefisiari anda sekiranya berlaku kematian. <p>Menerangkan Terma Dan Syarat Polisi</p> <ul style="list-style-type: none">* Dokumen polisi anda akan dihantar kepada anda (melalui serahan tangan, pos atau secara elektronik) dalam masa 7 hari dari tarikh polisi dikeluarkan.* Meneliti kandungan terma-terma dan syarat-syarat polisi untuk memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.	<p>Perkhidmatan Polisi Yang Berterusan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan anda kepada Hong Leong Assurance Berhad, cth. pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. <p>Membantu Anda Membuat Tuntutan</p> <ul style="list-style-type: none">* Membantu untuk mengemukakan borang tuntutan dan dokumen kepada Hong Leong Assurance Berhad.

Portal Pelanggan

Sila layari sesawang korporat Hong Leong Assurance Berhad di <https://www.hla.com.my>. Apabila anda berada di sesawang tersebut, sila klik pada banner HLA360° untuk akses dalam talian kepada maklumat polisi anda.

Jika anda memerlukan maklumat lanjut atau bantuan daripada Hong Leong Assurance Berhad, sila hubungi Hong Leong Assurance Berhad di 03-7650 1288 atau e-mel Hong Leong Assurance Berhad di customerservice@hla.hongleong.com.my.